



**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

**SUSUNAN KAEDAH**

**BAHAGIAN I  
PERMULAAN**

Kaedah	Muka surat
1. Nama, Mula Berkuatkuasa dan Pemakaian	3
2. Tafsiran	3

**BAHAGIAN II  
SYARAT PENERIMAAN MASUK**

3. Kemasukan Ke Program Pengajian Ijazah	5
4. Kemasukan Pelajar Pemerhati	7

**BAHAGIAN III  
PENDAFTARAN**

5. Pendaftaran Sebagai Pelajar Program Pengajian Ijazah	7
6. Pendaftaran Kursus	8
7. Pertukaran Program Pengajian	8

**BAHAGIAN IV  
BAYARAN**

8. Menjelaskan Bayaran	8
9. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran	8
10. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain	8
11. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain	9



**BAHAGIAN V**  
**TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 12. | Tempoh Program Pengajian Ijazah                             | 9 |
| 13. | Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah | 9 |

**BAHAGIAN VI**  
**STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

- |     |                                   |    |
|-----|-----------------------------------|----|
| 14. | Struktur Program Pengajian Ijazah | 90 |
| 15. | Komponen Kursus                   | 10 |

**BAHAGIAN VII**  
**SISTEM PENASIHAT AKADEMIK**

- |     |                                      |    |
|-----|--------------------------------------|----|
| 16. | Fungsi Penasihat Akademik            | 10 |
| 17. | Perjumpaan Dengan Penasihat Akademik | 11 |

**BAHAGIAN VIII**  
**PEPERIKSAAN**

- |     |                        |    |
|-----|------------------------|----|
| 18. | Jenis Peperiksaan      | 11 |
| 19. | Jawatankuasa Pemeriksa | 11 |

**BAHAGIAN IX**  
**PENGURNIAAN IJAZAH**

- |     |                     |    |
|-----|---------------------|----|
| 20. | Syarat Pengijazahan | 11 |
|-----|---------------------|----|

**BAHAGIAN X**  
**AM**

- |     |   |    |
|-----|---|----|
| 21. | Penamatan Pengajian Pelajar   | 12 |
| 22. | Kuasa Senat Membuat Peraturan   | 12 |
| 23. | Pengecualian Pemakaian  | 12 |
| 24. | Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti | 12 |
| 25. | Pembatalan  | 12 |

**AKTA UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI 1971**

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh subseksyen 37(1) Perlembagaan Universiti Malaya 2010 [P.U. (A) 444/2010] Lembaga Pengarah Universiti Malaya membuat kaedah-kaedah berikut:

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

**1. Nama, Mula Berkuatkuasa Dan Pemakaian**

- (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2011 dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2010/2011 dan berikutnya.
- (2) Kaedah-Kaedah ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian mulai sesi kemasukan 2010/2011 dan berikutnya. Tertakluk kepada peruntukan subkaedah (3) di bawah, semua pelajar program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian bagi kemasukan sebelum Sesi Akademik 2010/2011 dan sedang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian pada masa Kaedah-Kaedah ini mula berkuatkuasa hendaklah terus tertakluk kepada Akta XXXI Bahagian I (Dipinda) 2001 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (3) Bagi pelajar Tahun Pertama program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian sesi kemasukan 2009/2010 yang mengulang Tahun Pertama pada Sesi Akademik 2010/2011 hendaklah tertakluk kepada Kaedah-Kaedah ini.

**2. Tafsiran**

Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain

–

“Bursar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan;

“Dekan Fakulti” ertinya Dekan Fakulti Pergigian Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 24(4) Perlembagaan;

“Fakulti” ertinya Fakulti Pergigian Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 24(1) Perlembagaan;



“Ijazah” ertinya Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian;

“Jabatan” ertinya mana-mana Jabatan Pengajian Fakulti dan termasuklah mana-mana Bahagian Pengajian Fakulti;

“Jawatankuasa Pemeriksa” ertinya Jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Senat atas perakuan Fakulti untuk mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan Kaedah-Kaedah ini atau peraturan-peraturan yang berkenaan;

“kredit” ertinya ukuran kuantitatif yang melambangkan volum pembelajaran atau beban pembelajaran untuk mencapai hasil pembelajaran tertentu;

“klinikal” ertinya program latihan “hands on” yang melibatkan rawatan langsung pesakit oleh pelajar dengan penyeliaan staf akademik bagi kursus yang berkenaan dan tertakluk kepada syarat atau keperluan yang ditetapkan oleh setiap kursus;

“kursus” ertinya satu unit pengajian atau latihan yang disediakan dalam satu tempoh tertentu, biasanya dalam satu sesi, yang menyumbang gred kepada program pengajian Ijazah;

“Naib Canselor” ertinya ketua pegawai eksekutif bagi Universiti yang dilantik menurut peruntukan subseksyen 12(1) Perlembagaan;

“Pendaftar” ertinya seorang pegawai Universiti yang dilantik menurut seksyen 14 Perlembagaan;

“pelajar” ertinya seseorang pelajar berdaftar yang sedang mengikuti program pengajian Ijazah dan disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti menurut peruntukan subkaedah 5(2);

“Peperiksaan Profesional” ertinya peperiksaan yang ditetapkan untuk program pengajian Ijazah seperti yang diperuntukkan di kaedah 19;

“Perlembagaan” ertinya Perlembagaan Universiti Malaya 2010;

“program pengajian” ertinya sekumpulan kursus dan/atau latihan yang dirancang dan disediakan bagi memenuhi keperluan untuk dianugerahkan ijazah;

“Senat” ertinya salah satu Pihak Berkuasa Universiti yang ditubuhkan menurut peruntukan subseksyen 22(1) Perlembagaan;

“semester” ertinya tempoh tertentu di dalam sesuatu Sesi Akademik sama ada Semester I atau Semester II;

“Sesi Akademik” ertinya tempoh pengajian bagi program pengajian Ijazah yang terdiri daripada Semester I dan Semester II yang tarikh permulaan dan tarikh tamatnya ditetapkan oleh Naib Canselor;

“Tahun Kalendar” ertinya jangka waktu (masa) yang lamanya dua belas bulan;

“tahun pengajian” ertinya tahun pengajian bagi program pengajian Ijazah yang terdiri daripada Tahun Pertama, Tahun Kedua, Tahun Ketiga, Tahun Keempat dan Tahun Kelima (Akhir);

“Universiti” ertinya Universiti Malaya.

## **BAHAGIAN II**

### **SYARAT PENERIMAAN MASUK**

#### **3. Kemasukan Ke Program Pengajian Ijazah**

(1) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah di Universiti hendaklah memenuhi syarat am Universiti seperti berikut:

- (a) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan baik;
- (b) Lulus dengan Kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf;
- (c) mempunyai salah satu kelulusan berikut:
  - (i) Kelayakan Minimum Calon STPM:
    - (A) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00;
    - (B) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam matapelajaran Pengajian Am dan dua (2) matapelajaran lain;
    - (C) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Kepujian dalam empat (4) matapelajaran di peringkat SPM/setaraf termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
    - (D) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.0) dalam matapelajaran Biology di peringkat STPM/setaraf; dan
    - (E) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.0) dalam dua (2) matapelajaran pada peringkat STPM/setaraf dalam kombinasi matapelajaran berikut:
      - Physics
      - Chemistry
      - Mathematics T / Further Mathematics T
  - (ii) Kelayakan Matrikulasi KPM/Asasi:



- (A) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Kepujian dalam empat (4) matapelajaran di peringkat SPM/setaraf termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - (B) Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00;
  - (C) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam matapelajaran Biology di peringkat Matrikulasi/Asasi; dan
  - (D) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B bagi dua (2) kombinasi matapelajaran berikut:
    - Physics
    - Chemistry
    - Mathematics
  - (d) Telah mengambil Malaysian University English Test (MUET) dan mencapai sekurang-kurangnya Band 3; dan
  - (e) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Senat.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan di subkaedah (1) di atas syarat kemasukan ke program pengajian Ijazah bagi sesi kemasukan selepas 2010/2011 adalah tertakluk kepada pindaan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.
- (3) Kemasukan pelajar ke program pengajian Ijazah Universiti hendaklah setelah memenuhi syarat penerimaan masuk yang ditetapkan oleh Senat dan tertakluk kepada:
- (a) membayar yuran tertentu;
  - (b) disahkan oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti atau mana-mana Hospital Kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya mempunyai tahap kesihatan yang memuaskan dan tidak menghidap apa-apa penyakit atau apa-apa kecacatan anggota yang boleh mengganggu pengajian di Universiti; dan
  - (c) mendaftar sebagai pelajar program pengajian Ijazah.
- (4) Dalam keadaan tertentu, kemasukan pelajar adalah tertakluk kepada resolusi Senat atas perakuan Jawatankuasa Pemilihan Kemasukan Fakulti yang berkenaan serta memenuhi subkaedah 3 (3).
- (5) Kemasukan bagi program pengajian Ijazah adalah pada permulaan setiap Sesi Akademik.



#### **4. Kemasukan Pelajar Pemerhati**

- (1) Pelajar Pemerhati ialah pelajar yang diluluskan untuk mengikuti latihan sangkutan atau praktikal tertentu di Fakulti atau mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Fakulti, sama ada atau tidak untuk tujuan mendapat gred dan/atau kredit. Mereka bukanlah pelajar program pengajian Ijazah Universiti.
- (2) Kemasukan Pelajar Pemerhati hendaklah atas budibicara Dekan Fakulti.

### **BAHAGIAN III**

#### **PENDAFTARAN**

#### **5. Pendaftaran Sebagai Pelajar Program Pengajian Ijazah**

- (1) Pemohon yang ditawarkan oleh Universiti untuk mengikuti program pengajian Ijazah dan menerima tawaran tersebut dikehendaki mendaftar mengikut prosedur yang ditetapkan oleh tawaran tersebut atau oleh Universiti.
- (2) Tertakluk kepada subkaedah (3) di bawah, sesiapa yang mendaftar seperti yang tersebut di subkaedah (1) dikenali sebagai pelajar Universiti dan nama pelajar tersebut hendaklah disenaraikan dalam daftar pelajar Universiti sehingga pelajar berjaya menamatkan program pengajian Ijazahnya dan Senat mengesahkan pelajar tersebut layak dianugerahkan Ijazah atau sehingga atas sebab tertentu pelajar tersebut hilang kelayakannya menjadi pelajar Universiti mengikut mana yang terdahulu.
- (3) Setiap pelajar yang telah mendaftar untuk program pengajian Ijazah hendaklah mendaftar secara berterusan dengan Universiti dan sekiranya gagal berbuat demikian akan terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar pelajar.
- (4) Atas sebab perubatan, seseorang pelajar boleh dipertimbangkan penangguhan pendaftaran pengajiannya. Walau bagaimanapun, penangguhan hanya dibenarkan selama satu Sesi Akademik sahaja. Tawaran akan diluputkan sekiranya pelajar tidak juga mendaftar pada Sesi Akademik berikut yang berkenaan.
- (5) Walau apapun yang dinyatakan oleh subkaedah (1) di atas dan tertakluk kepada subkaedah (3) Senat boleh pada bila-bila masa menamatkan pendaftaran mana-mana pelajar sekiranya pada pandangan Senat pelajar tersebut atas sebab-sebab akademik yang ditentukan oleh Senat, tidak mampu meneruskan program pengajian Ijazahnya. Nama pelajar tersebut hendaklah digugurkan daripada senarai daftar pelajar Universiti dan pelajar tersebut hendaklah terhenti daripada menjadi pelajar Universiti. Keputusan Senat yang dibuat menurut peruntukan subkaedah ini adalah muktamad.
- (6) Pelajar tidak dibenarkan mendaftar serentak lebih daripada satu program pengajian sama ada yang membawa kepada penganugerahan sesuatu diploma atau ijazah dalam sesuatu jangka masa yang sama dengan pendaftarannya di Universiti, sama ada di Universiti atau di institusi atau universiti lain.



## **6. Pendaftaran Kursus**

Setiap pelajar dikehendaki mendaftar kursus-kursus yang diambil pada setiap semester atau Sesi Akademik mengikut syarat-syarat yang ditetapkan di dalam peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Kaedah-Kaedah ini.

## **7. Pertukaran Program Pengajian**

- (1) Pertukaran program pengajian boleh dilakukan oleh seseorang pelajar selepas ia telah mendaftarkan program pengajian Ijazah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (a) Pertukaran program pengajian hanya dibenarkan bagi pelajar Tahun Pertama atau Tahun Kedua sahaja dan yang telah mengikuti sekurang-kurangnya satu semester pengajian;
  - (b) Pelajar hanya dibenarkan membuat pertukaran program pengajian sekali sahaja sepanjang tempoh pengajiannya di Universiti;
  - (c) Pelajar hendaklah memenuhi syarat kemasukan program pengajian baru yang dipohon; dan
  - (d) Pelajar tidak pernah disabitkan tindakan tatatertib.
- (2) Walau apapun yang dinyatakan dalam subkaedah 7(1), kebenaran untuk menukar program pengajian adalah tertakluk kepada kelulusan Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas perakuan Dekan Fakulti dan persetujuan dekan fakulti yang akan menerima pelajar tersebut.

## **BAHAGIAN IV**

### **BAYARAN**

## **8. Menjelaskan Bayaran**

Pelajar baru hendaklah menjelaskan semua bayaran yang ditetapkan di dalam surat tawaran kemasukan sebelum mendaftar sebagai pelajar Universiti untuk program pengajian Ijazah.

## **9. Hak Mengubah Kadar Yuran Dan Bayaran**

Pihak Universiti mempunyai hak mutlak untuk mengubah kadar yuran dan apa-apa kadar bayaran lain yang ditetapkan tanpa notis terlebih dahulu kepada pelajar.

## **10. Tempoh Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain**

Pelajar hendaklah mendaftar untuk mengikuti kursus yang ditetapkan oleh program pengajian Ijazahnya serta membayar semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan untuk kursus-kursus yang didaftarkanya dalam tempoh satu minggu dari



permulaan Sesi Akademik atau tiap-tiap semester, di mana berkenaan, melainkan dibenarkan sebaliknya oleh Bursar Universiti.

#### **11. Kegagalan Menjelaskan Yuran Pengajian Dan Bayaran Lain**

Kegagalan seseorang pelajar menjelaskan semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan dalam tempoh satu minggu selepas menerima makluman daripada Bursar Universiti bahawa pelajar mempunyai tunggakan bayaran, boleh menyebabkan pelajar berkenaan dihalang daripada menduduki Peperiksaan Profesional tahun berkenaan atau statusnya sebagai pelajar Universiti ditamatkan.

### **BAHAGIAN V**

#### **TEMPOH PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

#### **12. Tempoh Program Pengajian Ijazah**

Pelajar hendaklah mengikuti dan menamatkan program pengajian Ijazahnya dalam tempoh yang ditetapkan.

#### **13. Tempoh Minimum dan Tempoh Maksimum Program Pengajian Ijazah**

- (1) Tempoh minimum bagi program pengajian Ijazah ialah lima tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
  - (a) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Pertama dan Tahun Kedua) dalam tempoh dua **tahun**; dan
  - (b) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Ketiga, Tahun Keempat dan Tahun Kelima (Akhir)) dalam tempoh tiga **tahun**.
- (2) Tempoh maksimum bagi program pengajian Ijazah ialah lapan tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
  - (a) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Pertama dan Tahun Kedua) dalam tempoh tiga **tahun**; dan
  - (b) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Ketiga, Tahun Keempat dan Tahun Kelima (Akhir)) dalam tempoh lima **tahun**.

### **BAHAGIAN VI**

#### **STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN IJAZAH**

#### **14. Struktur Program Pengajian Ijazah**

- (1) Program pengajian Ijazah merupakan program pengajian selama lima tahun yang dibahagikan kepada Tahun Pertama, Tahun Kedua, Tahun Ketiga, Tahun Keempat dan Tahun Kelima (Akhir) yang mengandungi kursus Sains Asas dan Sains Pergigian.



- (2) Melainkan seperti diperuntukkan di subkaedah (3) di bawah, tiada seseorang pelajar akan dianggap sebagai memenuhi keperluan program pengajian Ijazah kecuali pelajar tersebut telah menyempurnakan dengan memuaskan Senat kursus pengajian dan latihan praktikal/klinikal sepertimana ditetapkan oleh Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (3) Atas perakuan Fakulti, Senat boleh mengecualikan seseorang pelajar dari kehadiran dan menduduki peperiksaan dalam mana-mana atau semua kursus untuk Peperiksaan Profesional Tahun Pertama dan/atau Peperiksaan Profesional Tahun Kedua, berdasarkan merit setiap kes. Walau bagaimanapun seseorang pelajar yang diterima masuk terus ke Tahun Kedua, Tahun Ketiga atau Tahun Keempat program pengajian Ijazah boleh dikecualikan daripada mana-mana kursus bagi tahun pengajian berkenaan tertakluk kepada Fakulti berpuashati bahawa ia telah memenuhi kehendak kursus berkenaan terlebih dahulu.

## **15. Komponen Kursus**

Program pengajian Ijazah hendaklah mengandungi tiga komponen kursus, iaitu Kursus Universiti, Kursus Teras dan Kursus Elektif. Bagi maksud Kaedah-Kaedah ini—

- (1) “Kursus Universiti” bermaksud kursus-kursus yang ditetapkan oleh Universiti sebagai kursus yang wajib diikuti oleh setiap pelajar Ijazah Pertama;
- (2) “Kursus Teras” bermaksud kursus-kursus yang ditentukan oleh Fakulti sebagai kursus yang wajib diikuti oleh pelajar yang terdiri daripada kursus teras fakulti atau kursus teras program dan/atau kursus teras Jabatan atau kursus teras pengkhususan;
- (3) “Kursus Elektif” bermaksud kursus-kursus yang boleh terdiri daripada elektif Fakulti atau elektif Jabatan.

## **BAHAGIAN VII**

### **SISTEM PENASIHAT AKADEMIK**

## **16. Fungsi Penasihat Akademik**

Setiap pelajar disediakan seorang Penasihat Akademik daripada kalangan pensyarah dalam bidang pengajian pelajar untuk membimbing pelajar dalam perancangan program pengajiannya dengan cara:

- (1) memberikan bimbingan kepada pelajar dalam mengatasi masalah pembelajaran, jika ada, berdasarkan kemajuan pengajian pada pertengahan semester dan pada akhir semester.
- (2) memberikan nasihat kepada pelajar dalam mengatasi masalah lain selain daripada di atas.



## **17. Perjumpaan Dengan Penasihat Akademik**

Setiap pelajar hendaklah berjumpa dengan Penasihat Akademik sekurang-kurangnya satu kali dalam setiap semester.

## **BAHAGIAN VIII**

### **PEPERIKSAAN**

## **18. Jenis Peperiksaan**

- (1) Maka hendaklah ada lima peperiksaan bagi program pengajian Ijazah seperti berikut yang boleh dibuat secara ujian bertulis, ujian lisan, penilaian praktikal, penilaian klinikal, tugasan kursus, penilaian kekompetenan, peperiksaan akhir serta kaedah penilaian lain seperti yang diluluskan oleh Senat atas perakuan Fakulti:
  - (a) Peperiksaan Profesional Tahun Pertama;
  - (b) Peperiksaan Profesional Tahun Kedua;
  - (c) Peperiksaan Profesional Tahun Ketiga;
  - (d) Peperiksaan Profesional Tahun Keempat; dan
  - (e) Peperiksaan Profesional Tahun Kelima (Akhir)
- (2) Dalam keadaan tertentu, Senat atas perakuan Fakulti boleh mengecualikan seseorang pelajar daripada menduduki Peperiksaan Profesional Tahun Pertama dan/atau Peperiksaan Profesional Tahun Kedua.

## **19. Jawatankuasa Pemeriksa**

Maka hendaklah ada Jawatankuasa Pemeriksa yang berasingan bagi setiap Peperiksaan Profesional program pengajian Ijazah yang dinyatakan di Kaedah 18 di atas.

## **BAHAGIAN IX**

### **PENGURNIAAN IJAZAH**

## **20. Syarat Pengijazahan**

Tertakluk kepada peruntukan Kaedah-Kaedah ini, seseorang pelajar boleh dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian dengan syarat ia telah:



- (1) memenuhi segala kehendak Kaedah-Kaedah ini dan apa-apa peraturan yang dibuat di bawahnya;
- (2) diperakukan supaya dikurniakan Ijazah oleh Jawatankuasa Pemeriksa dan diluluskan oleh Senat;
- (3) membayar semua yuran pengajian dan bayaran lain yang ditetapkan; dan
- (4) memenuhi keperluan lain Universiti yang bukan bersifat akademik.

## **BAHAGIAN X**

### **AM**

#### **21. Penamatan Pengajian Pelajar**

Senat berhak menamatkan pengajian seseorang pelajar yang didapati telah memberikan maklumat palsu atau tidak benar berkenaan dengan kemasukannya ke Universiti.

#### **22. Kuasa Senat Membuat Peraturan**

Senat boleh membuat peraturan-peraturan pada amnya sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan atau menguatkuasakan peruntukan Kaedah-Kaedah ini.

#### **23. Pengecualian Pemakaian**

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Kaedah-Kaedah ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, Senat berhak mengecualikan pemakaian Kaedah-Kaedah ini atau mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini ke atas mana-mana pelajar program pengajian Ijazah.

#### **24. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti**

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada semua peruntukan yang dinyatakan di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti Malaya, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan lain yang sedia terpakai di Universiti termasuk Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

#### **25. Pembatalan**

Tertakluk kepada peruntukan subkaedah 1(2), Akta XXXI, Bahagian I (dipinda) 2001, adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada 17hb Jun 2011 oleh Senat Universiti Malaya.

Tan Sri Dato' Seri Arshad Ayub  
Pengerusi  
Lembaga Pengarah Universiti Malaya

**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

**SUSUNAN PERATURAN**

Peraturan	Mukasurat
<b>1. NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN</b>	3
<b>2. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN</b>	
(1) Keperluan/Kelayakan Asas	3
(2) Syarat-syarat Lain	5
(3) Syarat-syarat Kemasukan Pelajar Pemerhati	5
<b>3. PENDAFTARAN</b>	
(1) Pendaftaran Kursus	5
(2) Pendaftaran Serentak	6
(3) Kehadiran Kelas	6
(4) Penamatan Pengajian	6
(5) Penarikan Diri	6
<b>4. STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN</b>	
(1) Nilai Kredit	9
(2) Penawaran dan Penyempurnaan Kursus Teras dan Kursus Elektif	9
<b>5. PEPERIKSAAN</b>	
(1) Pendaftaran Peperiksaan	10
(2) Pendaftaran Peperiksaan Pelajar Pemerhati	10
(3) Keperluan Kehadiran Kelas	10
(4) Kaedah Penilaian Prestasi Pelajar	11
(5) Skim Pemarkahan	13
(6) Pengurusan Markah dan Gred	13
(7) Penentuan Prestasi Akademik Pelajar	15
(8) Pemeriksa-Pemeriksa	15
(9) Peperiksaan Khas	16
(10) Tidak Hadir Peperiksaan	19
(11) Hal-hal Lain Berkaitan Peperiksaan	21
<b>6. RAYUAN</b>	
(1) Rayuan Terhadap Keputusan Kursus	22
(2) Rayuan Meneruskan Pengajian	23



(3)	Rayuan Pelanjutan Tempoh Pengajian	23
(4)	Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan	24
<b>7.</b>	<b>PENGIJAZAHAN</b>	<b>24</b>
<b>8.</b>	<b>AM</b>	
(1)	Mengaudit Kursus	25
(2)	Pengecualian Pemakaian	25
(3)	Pembatalan Peraturan-Peraturan Peperiksaan	25



**PERLEMBAGAAN UNIVERSITI MALAYA 2010**

**KAEDAH-KAEDAH UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

**PERATURAN-PERATURAN UNIVERSITI MALAYA  
(IJAZAH SARJANA MUDA PEMBEDAHAN PERGIGIAN) 2011**

Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh Kaedah 22, Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2011, Senat Universiti Malaya membuat peraturan-peraturan seperti berikut:

**1. NAMA, MULA BERKUATKUASA DAN PEMAKAIAN**

- (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan Peraturan-Peraturan Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2011 dan hendaklah berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2010/2011 dan berikutnya.
- (2) Peraturan-Peraturan ini hendaklah terpakai kepada semua pelajar Universiti Malaya yang mengikuti program pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian mulai sesi kemasukan 2010/2011 dan berikutnya. Tertakluk kepada peruntukan subperaturan (3) di bawah, semua pelajar program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian bagi kemasukan sebelum Sesi Akademik 2010/2011 dan sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian hendaklah terus tertakluk kepada Akta XXXI Bahagian I (Dipinda) 2001 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.
- (3) Bagi pelajar Tahun Pertama program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian sesi kemasukan 2009/2010 yang mengulang Tahun Pertama pada Sesi Akademik 2010/2011 hendaklah tertakluk kepada Peraturan-Peraturan ini.

**2. SYARAT-SYARAT KEMASUKAN**

**(1) Keperluan/Kelayakan Asas**

- (a) Setiap calon yang ingin mengikuti program pengajian Ijazah di Universiti hendaklah memenuhi syarat am Universiti seperti berikut:
  - (i) Lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan baik;
  - (ii) Lulus dengan Kepujian dalam Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia di peringkat SPM/setaraf;
  - (iii) Mempunyai salah satu kelulusan berikut:
    - (A) Kelayakan Minimum Calon STPM
      - (aa) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00;



- (bb) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam matapelajaran Pengajian Am dan dua (2) matapelajaran lain;
  - (cc) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Kepujian dalam empat (4) matapelajaran di peringkat SPM/setaraf termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - (dd) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.0) dalam matapelajaran Biology di peringkat STPM/setaraf; dan
  - (ee) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B (NGMP 3.0) dalam dua (2) matapelajaran pada peringkat STPM/setaraf dalam kombinasi matapelajaran berikut:
    - Physics
    - Chemistry
    - Mathematics T / Further Mathematics T
- (B) Kelayakan Matrikulasi KPM/Asasi
- (aa) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Kepujian dalam empat (4) matapelajaran di peringkat SPM/setaraf termasuk Bahasa Melayu/Bahasa Malaysia;
  - (bb) Lulus Matrikulasi/Asasi dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 3.00;
  - (cc) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B dalam matapelajaran Biology di peringkat Matrikulasi/Asasi; dan
  - (dd) Lulus dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred B bagi dua (2) kombinasi matapelajaran berikut:
    - Physics
    - Chemistry
    - Mathematics
- (C) Telah mengambil Malaysian University English Test (MUET) dan mencapai sekurang-kurangnya Band 3; dan
- (D) Memenuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Senat.



- (b) Walau apapun yang dinyatakan di perenggan (1)(a) di atas syarat kemasukan ke program pengajian Ijazah bagi sesi kemasukan selepas 2010/2011 adalah tertakluk kepada pindaan yang ditetapkan oleh Universiti dari semasa ke semasa.

## **(2) Syarat-syarat Lain**

- (a) Calon perlu mengesahkan penerimaan tawaran selewat-lewatnya pada tarikh lapor diri yang ditetapkan oleh Universiti. Tempoh sahlaku tawaran kemasukan kepada calon adalah dua minggu dari tarikh permulaan Sesi Akademik program pengajian Ijazah. Selepas tempoh berkenaan, tawaran tersebut adalah dianggap luput sekiranya calon gagal melapor diri.
- (b) Atas sebab perubahan, calon boleh dipertimbangkan penangguhan pendaftaran program pengajian Ijazah. Walau bagaimanapun, penangguhan hanya dibenarkan sehingga kepada Sesi Akademik berikutnya. Tawaran akan diluputkan sekiranya calon tidak juga mendaftar pada Sesi Akademik berikutnya yang berkenaan.

## **(3) Syarat-syarat Kemasukan Pelajar Pemerhati**

Dekan Fakulti diberi kuasa untuk menerima masuk seseorang sebagai pelajar pemerhati tertakluk kepada syarat berikut:

- (a) Tidak lebih dari satu tahun kalendar jika ia menjalankan penyelidikan atau tidak lebih dari satu Sesi Akademik jika ia mengikuti kursus; dan
- (b) Mengikuti kursus berdasarkan jumlah maksimum dan/atau minimum kursus yang ditetapkan oleh Fakulti.

## **3. PENDAFTARAN**

### **(1) Pendaftaran Kursus**

- (a) Secara amnya pelajar program pengajian Ijazah adalah dikehendaki mendaftar dan mengikuti semua kursus yang ditetapkan bagi setiap tahun pengajian berkenaan seperti dinyatakan di Jadual A (1). Walau bagaimanapun, Fakulti boleh mengecualikan seseorang pelajar dari mendaftar dan mengikuti mana-mana atau semua kursus yang ditetapkan bagi tahun pengajian tertentu mengikut merit setiap kes. Keputusan Fakulti yang dibuat menurut perenggan ini hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.
- (b) Tertakluk kepada perenggan (c) di bawah, pelajar diberi tempoh masa selama dua minggu dari tarikh permulaan Sesi Akademik untuk menyempurnakan pendaftaran kursus. Selepas tempoh tersebut, sekiranya tiada apa-apa pendaftaran telah dibuat dan tiada apa-apa pemberitahuan secara bertulis telah diterima daripada pelajar berkenaan dalam tempoh dua minggu yang ditetapkan pelajar adalah dianggap telah menarik diri dari Sesi Akademik berkenaan. Selepas tempoh empat



minggu dari tarikh permulaan Sesi Akademik, sekiranya masih di dalam status yang sama, status pengajian pelajar adalah diluputkan.

- (c) Bagi Kursus Universiti seperti di Jadual A (2), pelajar adalah dikehendaki mendaftar untuk mengikuti kursus-kursus tersebut dalam tempoh seperti yang dinyatakan di Jadual berkenaan. Walau apapun tempoh yang ditetapkan oleh Fakulti menurut perenggan ini, atas alasan yang dibenarkan oleh Fakulti, pelajar boleh mendaftar untuk mengikuti mana-mana Kursus Universiti tersebut pada mana-mana semester sebelum pelajar tersebut layak dianugerahkan Ijazah.
- (d) Pendaftaran mana-mana kursus tidak dibenarkan apabila tempoh pemeriksaan berkenaan telah bermula.
- (e) Sekiranya pelajar gagal mematuhi sebarang prosedur pendaftaran dalam tempoh yang ditetapkan pelajar boleh dikenakan denda mengikut kadar yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

## **(2) Pendaftaran Serentak**

- (a) Seseorang pelajar tidak dibenarkan mendaftar dalam mana-mana program pengajian lain sama ada di peringkat ijazah atau diploma, sama ada di Universiti atau di institusi atau universiti lain, di sepanjang tempoh beliau mengikuti program pengajian Ijazah.
- (b) Mana-mana pelajar yang didapati melanggar perenggan (a) di atas boleh ditamatkan dari program pengajiannya tanpa pembayaran balik yuran dan bayaran lain yang telah dibayar.

## **(3) Kehadiran Kelas**

Pelajar diwajibkan menghadiri semua kuliah, sesi klinikal, praktikal dan apa-apa bentuk aktiviti pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap kursus. Pelajar bertanggungjawab memaklumkan sebarang ketidakhadirannya kepada Dekan Fakulti. Ketua jabatan bagi setiap kursus dikehendaki menyimpan rekod kehadiran dan melaporkan tentang ketidakhadiran yang berlebihan kepada Dekan Fakulti.

## **(4) Penamatan Pengajian**

Pelajar yang telah diluluskan penarikan diri atas sebab perubatan atau atas sebab psikologi/perubatan psikiatri selama satu tempoh melebihi satu Sesi Akademik secara berterusan boleh ditamatkan dari pengajiannya atas perakuan Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti atau Hospital Kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya setelah kes pelajar tersebut dikaji semula oleh doktor berkenaan pada Sesi Akademik yang berikutnya.

## **(5) Penarikan Diri**

- (a) Penarikan diri daripada kursus



- (i) Pelajar program pengajian Ijazah tidak dibenarkan menarik diri dari mana-mana kursus yang telah ditetapkan untuk setiap tahun pengajian kecuali Kursus Universiti.
- (ii) Permohonan penarikan diri dari Kursus Universiti adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - (A) Permohonan dilakukan sebelum atau pada hari Jumaat minggu kuliah ketujuh Semester Biasa atau sebelum atau pada hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Khas.
  - (B) Pelajar hendaklah mengisi dan mengemukakan borang tertentu kepada Dekan Fakulti dalam tempoh yang dibenarkan.
  - (C) Pelajar yang diluluskan untuk menarik diri sebelum atau pada hari Jumaat minggu kuliah kedua:
    - (aa) tidak akan dikenakan yuran kursus berkenaan; dan
    - (bb) rekod kursus berkenaan akan dihapuskan.
  - (D) Pelajar yang diluluskan untuk menarik diri selepas hari Jumaat minggu kuliah kedua tetapi sebelum atau pada hari Jumaat minggu kuliah ketujuh akan:
    - (aa) dikenakan yuran bagi kursus berkenaan; dan
    - (bb) dicatatkan gred W bagi kursus tersebut.
  - (E) Penarikan diri selepas hari Jumaat minggu kuliah ketujuh Semester Biasa atau selepas hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Khas adalah tidak dibenarkan kecuali diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor yang berkenaan atas permohonan pelajar yang dibuat secara bertulis melalui Dekan Fakulti.

Permohonan hanya akan dipertimbangkan atas sebab kecemasan yang disokong dengan bukti dokumentasi berkenaan atau atas sebab perubatan yang disokong dengan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti atau Hospital Kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya.
  - (F) Sekiranya rayuan diluluskan, kursus berkenaan akan dicatatkan dengan gred W. Yuran bagi kursus berkenaan akan tetap dikenakan.
  - (G) Sekiranya rayuan tidak diluluskan, pelajar dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus berkenaan. Pelajar akan diberikan gred F sekiranya tidak menghadiri kursus dan menduduki peperiksaan yang diadakan pada akhir semester berkenaan.
  - (H) Penarikan diri atas alasan berikut tidak dibenarkan:



- (aa) Prestasi pelajar yang tidak memuaskan;
  - (bb) Kekurangan persediaan bagi kursus berkenaan; atau
  - (cc) Tidak puas hati terhadap kursus berkenaan.
- (I) Penarikan diri tidak dibenarkan apabila tempoh peperiksaan semester telah bermula.
- (J) Pelajar yang berhenti daripada menghadiri kuliah tanpa penarikan diri secara rasmi akan diberi gred F dan dicatatkan dalam rekod rasmi pelajar bagi kursus berkenaan.
- (K) Di samping yuran kursus berkenaan, pelajar juga akan dikenakan bayaran pentadbiran atas suatu kadar yang ditetapkan sekiranya rayuan pelajar berkenaan untuk perkara berikut diluluskan kerana kecuaiannya sendiri:
- (aa) Pelajar yang diluluskan untuk mendaftar secara kebelakang (iaitu selepas hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Biasa atau selepas hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Khas); atau
  - (bb) Pelajar yang diluluskan untuk penarikan diri dari kursus secara kebelakang (iaitu selepas hari Jumaat minggu kuliah ketujuh Semester Biasa atau selepas hari Jumaat minggu kuliah kedua Semester Khas).
- (b) Penarikan diri dari Sesi Akademik
- (i) Penarikan diri dari Sesi Akademik bermakna penarikan diri dari kesemua kursus yang didaftarkan bagi Sesi Akademik berkenaan.
  - (ii) Pelajar program pengajian Ijazah tidak dibenarkan menarik diri daripada mana-mana Sesi Akademik kecuali atas sebab perubatan atau atas alasan psikologi/perubatan psikiatri atau atas alasan-alasan lain yang diterima oleh Fakulti atas sebab-sebab tertentu. Sekiranya penarikan diri dibenarkan atas alasan-alasan lain selain daripada alasan perubatan atau alasan psikologi/perubatan psikiatri, tempoh penarikan diri tersebut akan diambil kira sebagai sebahagian daripada tempoh maksimum pengajian pelajar tersebut.
- (c) Penarikan diri dari Universiti
- (i) Penarikan diri dari Universiti bermakna penarikan diri daripada program pengajian Ijazah yang sedang diikutinya.
  - (ii) Penarikan diri hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pendaftar melalui Dekan Fakulti dan keputusan Universiti adalah muktamad.



- (iii) Pelajar yang diluluskan menarik diri dari Universiti akan dikenakan yuran pengajian bagi kursus yang telah didaftarkan dan dicatatkan W2 bagi kursus berkenaan.

#### **4. STRUKTUR PROGRAM PENGAJIAN**

##### **(1) Nilai Kredit**

- (a) Pengiraan sistem kredit yang digunakan bagi program pengajian Ijazah adalah berasaskan beban sebenar jam pembelajaran pelajar yang meliputi semua jenis aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang diperlukan untuk mencapai hasil pembelajaran kursus yang ditetapkan.
- (b) Berdasarkan sistem ini, pengiraan nilai kredit bagi Kursus Universiti adalah ditetapkan mengikut pengiraan 40 jam pembelajaran nosional bersamaan 1 kredit. Manakala pengiraan bagi Kursus Teras dan Kursus Elektif yang ditawarkan di bawah program pengajian Ijazah seperti di Jadual A (1) adalah berdasarkan kepada masa pembelajaran pelajar (*Student Learning Time*).

##### **(2) Penawaran dan Penyempurnaan Kursus Teras dan Kursus Elektif**

- (a) Fakulti akan menentukan Kursus Teras dan Kursus Elektif yang ingin ditawarkan dalam mana-mana tahun pengajian. Setiap kursus baru boleh ditawarkan setelah mendapat kelulusan Senat.
- (b) Setiap Kursus Teras dan Kursus Elektif yang ditawarkan hendaklah diajar, diselesaikan dan diperiksa dalam satu tahun pengajian. Hanya kursus-kursus tertentu yang telah terlebih dahulu mendapat kelulusan Senat boleh dibenarkan untuk dikendalikan bagi tempoh melebihi satu tahun pengajian.
- (c) Tempoh minimum bagi program pengajian Ijazah ialah lima tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
  - (i) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Pertama dan Kedua) dalam tempoh dua tahun; dan
  - (ii) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Ketiga, Keempat dan Kelima (Akhir)) dalam tempoh tiga tahun.
- (d) Tempoh maksimum bagi program pengajian Ijazah ialah lapan tahun di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan:
  - (i) Bahagian Pra-Klinikal (iaitu Tahun Pertama dan Kedua) dalam tempoh tiga tahun; dan
  - (ii) Bahagian Klinikal (iaitu Tahun Ketiga, Keempat dan Kelima (Akhir)) dalam tempoh lima tahun.



## **5. PEPERIKSAAN**

### **(1) Pendaftaran Peperiksaan**

- (a) Pelajar hendaklah mendaftar untuk memasuki peperiksaan dengan mengesahkan borang yang ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup untuk kemasukan ke suatu peperiksaan.
- (b) Pendaftaran lewat untuk memasuki peperiksaan akan dikenakan bayaran denda atas suatu kadar yang ditetapkan.

### **(2) Pendaftaran Peperiksaan Pelajar Pemerhati**

- (a) Seseorang pelajar pemerhati tidak akan dibenarkan menduduki mana-mana peperiksaan yang ditetapkan bagi program pengajian Ijazah kecuali dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Fakulti. Kebenaran hanya akan diberikan jika pelajar itu ialah seorang pelajar universiti atau institusi lain dan ia memohon untuk memindahkan gred dan/atau kredit kepada universiti atau institusinya. Permohonan untuk menduduki peperiksaan tersebut hendaklah dibuat secara bertulis kepada Dekan Fakulti tidak lewat dari dua minggu sebelum peperiksaan tersebut bermula. Permohonan hendaklah disertai dengan satu surat daripada pendaftar atau pegawai berkuasa dari universiti atau institusinya yang meminta supaya aturan seperti ini dibuat.
- (b) Walau apapun yang diperuntukkan oleh perenggan (a) di atas, dalam keadaan tertentu, Fakulti boleh membenarkan seseorang pelajar pemerhati menduduki mana-mana peperiksaan bagi maksud selain daripada memindahkan gred dan/atau kredit kepada universiti atau institusinya.
- (c) Kebenaran untuk menduduki mana-mana peperiksaan di bawah perenggan (a) dan (b) di atas adalah tertakluk kepada Dekan Fakulti atau ketua jabatan di mana pelajar mendaftar kursus berkenaan mengesahkan bahawa pelajar telah memenuhi syarat minimum 80% kehadiran.
- (d) Keputusan peperiksaan tidak akan diberikan kepada pelajar tetapi dihantar terus kepada universiti atau institusinya.

### **(3) Keperluan Kehadiran Kelas**

- (a) Tertakluk kepada subperaturan 3(3) Peraturan-Peraturan ini, seseorang pelajar dikehendaki mencapai 80% kehadiran kuliah, sesi klinikal, praktikal dan apa-apa bentuk aktiviti pembelajaran yang ditetapkan bagi setiap kursus, mengikut mana yang berkenaan sepertimana yang ditetapkan bagi tahun pengajian masing-masing.
- (b) Mana-mana pelajar yang mencapai kehadiran di bawah peratus kehadiran yang ditetapkan oleh perenggan (a) di atas tanpa sebab yang boleh diterima atau tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran Dekan Fakulti boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir Kursus Universiti



atau peperiksaan akhir Peperiksaan Profesional yang berkenaan oleh Fakulti. Pelajar akan dimaklumkan secara bertulis oleh Dekan Fakulti sebelum peperiksaan akhir Kursus Universiti tersebut atau peperiksaan akhir Peperiksaan Profesional tahun pengajian berkenaan bermula sekiranya ia dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir yang berkenaan. Pelajar diberi tempoh selama satu minggu dari tarikh surat berkenaan untuk mengemukakan rayuan. Rayuan pelajar akan dibawa untuk pertimbangan dan keputusan Jawatankuasa Rayuan Fakulti.

- (c) Mana-mana pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir Peperiksaan Profesional berkenaan hendaklah dianggap sebagai telah gagal Peperiksaan Profesional tahun pengajian berkenaan dan dikehendaki mengulang tahun pengajian berkenaan tertakluk kepada tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan.
- (d) Mana-mana pelajar yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir Kursus Universiti akan dianggap gagal bagi komponen peperiksaan akhir kursus berkenaan.

#### **(4) Kaedah Penilaian Prestasi Pelajar**

- (a) Penilaian prestasi pelajar adalah satu proses berterusan dalam setiap tahun pengajian yang terdiri daripada beberapa komponen penilaian sepertimana yang ditetapkan oleh Fakulti. Penilaian boleh dibuat berdasarkan bukan sahaja kursus yang telah diajar pada tahun pengajian berkenaan, tetapi mungkin juga termasuk topik-topik yang telah diajar dalam tahun pengajian terdahulu.
- (b) Kecuali bagi Kursus Elektif dan Kursus Universiti, setiap Peperiksaan Profesional Tahun Pertama dan Tahun Kedua hendaklah terdiri daripada dua komponen berikut:
  - (i) Komponen 1 (40%) : Penilaian Berterusan, di mana pelajar mestilah memperolehi sekurang-kurangnya 30% markah bagi setiap kursus sebelum dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir;
  - (ii) Komponen 2 (60%) : Peperiksaan Akhir (Penilaian Bersepadu) yang terdiri daripada:–

Kertas 1 MCQ (Multiple Choice Questions)

Kertas 2 MEQ (Modified Essay Questions)

Kertas 3 SAQ (Short Answer Questions)

Kertas 4 OSPE/OSCE (Objective Structured Practical/Clinical Examination)



- (c) Kecuali bagi Kursus Elektif dan Kursus Universiti, setiap Peperiksaan Profesional Tahun Ketiga, Keempat dan Kelima (Akhir) hendaklah terdiri daripada dua komponen berikut:
- (i) Komponen 1 (40%): Penilaian Berterusan, yang termasuk Keperluan Klinikal dan/atau Penilaian Kekompetenan Klinikal, di mana pelajar dikehendaki menyempurnakan komponen ini dengan memuaskan Fakulti sebelum seseorang pelajar dibenarkan menduduki Peperiksaan Akhir tahun pengajian yang berkenaan.
  - (ii) Komponen 2 (60%) : Peperiksaan Akhir (Penilaian Bersepadu) yang terdiri daripada:–
    - Kertas 1 MCQ (Multiple Choice Questions)
    - Kertas 2 MEQ (Modified Essay Questions)
    - Kertas 3 SAQ (Short Answer Questions)
    - Kertas 4 OSPE/OSCE (Objective Structured Practical/Clinical Examination)
- (d) Tertakluk kepada perenggan (b) dan (c) di atas, tiada pelajar akan disifatkan sebagai telah lulus sesuatu Peperiksaan Profesional melainkan ia telah mengambil peperiksaan akhir bagi setiap kursus yang ditetapkan untuk setiap tahun pengajian seperti dinyatakan di Jadual A (1).
- (e) Pelajar yang gagal mana-mana Peperiksaan Profesional tahun pengajian berkenaan ("Peperiksaan Profesional (Utama)") dikehendaki menduduki suatu Peperiksaan Tambahan ("Peperiksaan Profesional (Tambahan)") pada tarikh yang ditetapkan oleh Fakulti. Pelajar yang gagal dalam mana-mana Peperiksaan Profesional (Tambahan) yang berkenaan, dikehendaki mengulang semula tahun pengajian yang ia gagal dan menduduki semula Peperiksaan Profesional tahun pengajian berkenaan ("Peperiksaan Profesional Semula (Utama)"), tertakluk kepada tempoh maksimum pengajiannya. Pelajar yang gagal dalam Peperiksaan Profesional Semula (Utama) adalah dikehendaki menduduki suatu Peperiksaan Tambahan ("Peperiksaan Profesional Semula (Tambahan)") pada tarikh yang ditetapkan oleh Fakulti. Pelajar yang gagal dalam Peperiksaan Profesional Semula (Tambahan) ini adalah dianggap sebagai telah gagal keluar dari program pengajian Ijazahnya.
- (f) Walau apapun peruntukan di perenggan (e) di atas, pelajar tidak dibenarkan mengulangi mana-mana tahun pengajian yang ia gagal untuk kali kedua.
- (g) Fakulti boleh atas sebab-sebab tertentu selain daripada alasan di subperaturan 5(3), menghalang seseorang pelajar daripada menduduki peperiksaan akhir bagi mana-mana Peperiksaan Profesional. Pelajar yang dihalang dari menduduki peperiksaan akhir ini adalah dianggap sebagai telah gagal Peperiksaan Profesional yang berkenaan. Walau bagaimanapun, Fakulti boleh atas budi bicaranya mempertimbangkan



semula kes-kes pelajar yang dihalang ini dengan mengambilkira merit kes masing-masing.

- (h) Mana-mana pelajar yang gagal Peperiksaan Profesional tahun pengajian tertentu tidak akan dibenarkan meneruskan pengajian ke tahun pengajian yang berikutnya.
- (i) Kursus Elektif yang berbentuk praktikal atau projek seperti projek penyelidikan, program penempatan masyarakat atau sebagainya, boleh dinilai 100% berdasarkan kaedah penilaian berterusan sepanjang tempoh kursus berkenaan dijalankan, tanpa ujian bertulis.
- (j) Pelajar hendaklah dimaklumkan keputusan komponen penilaian berterusan bagi setiap kursus yang diikuti. Pemakluman hendaklah dibuat secepat yang mungkin selepas selesai penilaian komponen berkenaan dan selewat-lewatnya sebelum minggu peperiksaan akhir bagi tahun pengajian berkenaan bermula.
- (k) Kaedah penilaian bagi Kursus Universiti adalah tertakluk kepada peraturan yang dinyatakan di Jadual A (2).

#### **(5) Skim Pemarkahan**

- (a) Gred rasmi, markah dan maksud bagi setiap peperiksaan komponen penilaian berterusan dan peperiksaan akhir bagi setiap Kursus Teras dan Kursus Elektif hendaklah diberi berdasarkan skim pemarkahan berikut:

<b>Markah</b>	<b>Gred</b>	<b>Maksud</b>
70 - 100	A	Cemerlang
65 - 69	B+	Sangat Baik
60 - 64	B	Baik
55 - 59	C+	Memuaskan
50 - 54	C	Lulus
45 - 49	D	Gagal Boleh Tebus
30 - 44	E	Gagal
0-29	F	Gagal

- (b) Gred rasmi, markah dan maksud bagi setiap Peperiksaan Profesional hendaklah diberi berdasarkan skim pemarkahan berikut:

<b>Markah</b>	<b>Gred</b>	<b>Maksud</b>
70 - 100	A	Cemerlang/ Amat Cemerlang*
65 - 69	B+	Sangat Baik
60 - 64	B	Baik



55 - 59	C+	Memuaskan
50 - 54	C	Lulus
45 - 49	D	Gagal Boleh Tebus**
30 - 44	E	Gagal
0-29	F	Gagal

\* Pelajar yang memperoleh markah 70 dan ke atas dalam mana-mana Peperiksaan Profesional akan dijemput menghadirkan diri untuk suatu viva-voce di hadapan suatu jawatankuasa yang ditetapkan oleh Fakulti bagi menentukan sama ada atau tidak pelajar tersebut mencapai merit akademik yang mencukupi untuk membolehkan beliau diberi Gred A+ (Lulus Dengan Amat Cemerlang). Jika jawatankuasa tersebut berpuashati bahawa pelajar berkenaan telah mencapai merit akademik yang dikehendaki, jawatankuasa tersebut hendaklah:

- (i) menaikkan markah pelajar tersebut kepada sekurang-kurangnya 75 markah (jika markah asal pelajar tersebut adalah di antara 70-74) dan memperakukan kepada Jawatankuasa Pemeriksa supaya pelajar tersebut diberikan Gred A+ (Lulus Dengan Amat Cemerlang) bagi Peperiksaan Profesional itu; atau
- (ii) mengekalkan markah asal pelajar tersebut (jika markah asal pelajar tersebut adalah 75 dan ke atas) tetapi meminda gred asal A kepada Gred A+ (Lulus Dengan Amat Cemerlang) dan memperakukan kepada Jawatankuasa Pemeriksa supaya pelajar tersebut diberikan Gred A+ (Lulus Dengan Amat Cemerlang) bagi Peperiksaan Profesional itu.

Walau apapun, peningkatan Gred A kepada Gred A+ menurut peruntukan ini tidak terpakai kepada pelajar yang memperoleh markah 70 dan ke atas bagi peperiksaan yang diambil dalam Peperiksaan Profesional (Tambahan), Peperiksaan Profesional Semula (Utama) atau Peperiksaan Profesional Semula (Tambahan).

Jika jawatankuasa tersebut memutuskan bahawa pelajar berkenaan tidak mencapai merit akademik yang mencukupi untuk membolehkan beliau diberikan Gred A+ (Lulus Dengan Amat Cemerlang) markah dan gred asal pelajar tersebut adalah dikekalkan.

\*\* Pelajar yang memperoleh markah di antara 45-49 dalam mana-mana Peperiksaan Profesional adalah dikehendaki menghadirkan diri untuk suatu viva-voce di hadapan suatu jawatankuasa yang ditetapkan oleh Fakulti bagi menentukan sama ada atau tidak pelajar tersebut mencapai merit akademik yang mencukupi untuk membolehkan markah beliau dinaikkan kepada 50 (Gred C - Lulus). Jika jawatankuasa tersebut berpuashati bahawa pelajar berkenaan telah mencapai merit akademik yang dikehendaki, markah pelajar tersebut akan



dinaikkan kepada 50 (Gred C – Lulus) dan memperakukan kepada Jawatankuasa Pemeriksa bahawa pelajar itu lulus Peperiksaan Profesional itu.

Jika jawatankuasa tersebut memutuskan bahawa pelajar berkenaan tidak mencapai merit akademik yang mencukupi untuk membolehkan markah beliau dinaikkan kepada 50 (Gred C - Lulus), markah dan gred asal pelajar tersebut adalah dikekalkan.

- (c) Gred rasmi, markah dan maksud bagi peperiksaan Kursus Universiti hendaklah diberi berdasarkan skim pemarkahan seperti dinyatakan di Jadual A (2).

#### **(6) Pengurusan Markah dan Gred**

- (a) Markah dan gred kursus akan diserahkan kepada Jawatankuasa Pemeriksa melalui Dekan Fakulti dalam tempoh dua minggu daripada tarikh akhir minggu peperiksaan. Markah dan gred muktamad bagi sesuatu kursus bagi setiap pelajar adalah seperti yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
- (b) Pendaftar bertanggungjawab menyimpan rekod rasmi pelajar dan mengeluarkan kepada setiap pelajar;
- (i) Keputusan peperiksaan tahun pengajian berkenaan;
- (ii) Rekod akademik pelajar selepas tamat program pengajiannya.

#### **(7) Penentuan Prestasi Akademik Pelajar**

- (a) Gred Kursus Bagi Pelajar Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib

Senat akan memutuskan gred kursus bagi mana-mana pelajar yang didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman di bawah kaedah 6 dan kaedah 8(a) hingga (d) Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.

- (b) Keperluan minimum program pengajian

Untuk memenuhi keperluan minimum program pengajian Ijazah di Universiti, seseorang pelajar hendaklah memperolehi sekurang-kurangnya Gred C pada setiap Peperiksaan Profesional sehingga tamat pengajiannya.

- (c) Senarai Dekan

- (i) Pelajar yang mencapai sekurang-kurangnya Gred B+ dalam Komponen 1 bagi setiap kursus dan Gred B+ dalam Komponen 2 bagi tahun pengajian yang berkenaan serta memenuhi syarat-syarat berikut layak dianugerahkan Senarai Dekan:

- (A) tidak mengulang tahun pengajian berkenaan;



- (B) tidak menduduki Peperiksaan Tambahan bagi tahun pengajian berkenaan;
  - (C) tidak dikenakan apa-apa tindakan disiplin oleh Fakulti atau tindakan tatatertib oleh Universiti di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999.
- (d) Gagal Keluar
- (i) Seseorang pelajar boleh ditamatkan daripada program pengajian Ijazahnya sekiranya -
    - (A) gagal menyempurnakan Bahagian Pra-Klinikal atau Bahagian Klinikal dalam tempoh maksimum yang ditetapkan;
    - (B) telah gagal mana-mana Peperiksaan Profesional dua kali berturut-turut;
  - (ii) Mana-mana pelajar yang diterima masuk semula selepas gagal keluar dan gagal sekali lagi dalam Peperiksaan Profesional tahun pengajian yang ia diterima masuk akan ditamatkan pengajiannya.
  - (iii) Apabila seseorang pelajar ditamatkan daripada program pengajian Ijazahnya, notis penamatan hendaklah dihantar kepada pelajar oleh Dekan Fakulti.

#### **(8) Pemeriksa-Pemeriksa**

- (a) Jawatankuasa Pemeriksa
  - (i) Penubuhan Jawatankuasa Pemeriksa
    - (A) Jawatankuasa Pemeriksa bagi program pengajian Ijazah hendaklah ditubuhkan secara berasingan bagi setiap tahun pengajian.
    - (B) Tertakluk kepada kuasa Senat, Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah mempertimbangkan keputusan peperiksaan dan menjalankan apa-apa kuasa lain yang diberi kepadanya menurut peruntukan peraturan-peraturan yang berkenaan.
  - (ii) Keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa

Kecuali diperuntukkan selainnya kemudian daripada ini, keanggotaan Jawatankuasa Pemeriksa hendaklah seperti berikut:

    - (A) Naib Canselor sebagai ahli ex-officio;



- (B) Dekan Fakulti atau wakilnya, sebagai Pengerusi dengan syarat bahawa Naib Canselor hendaklah mempengerusikan apabila ia hadir dalam mana-mana mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa;
- (C) Timbalan Dekan Fakulti yang berkenaan;
- (D) Ketua jabatan;
- (E) Penyelaras yang bertanggungjawab untuk mana-mana kursus atau rancangan pengajian Fakulti, jika berkenaan;
- (F) Semua profesor Fakulti;
- (G) Pemeriksa Luar Program pengajian Ijazah;
- (H) Mana-mana Pemeriksa Dalam; dan/atau
- (I) Mana-mana orang lain seperti yang dilantik oleh Senat.

Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor boleh melantik sesiapa juga sebagai ahli sesuatu Jawatankuasa Pemeriksa kecuali sepertimana yang diperuntukkan sebaliknya di bawah Peraturan-Peraturan ini dengan syarat bahawa pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.

Jika Dekan Fakulti bercuti atau kerana atas apa-apa sebab lain dia tidak dapat menjalankan kewajipannya sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk urusan ijazah pertama boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai pengerusi Jawatankuasa Pemeriksa.

Pendaftar atau wakilnya hendaklah menjadi Setiausaha kepada tiap-tiap Jawatankuasa Pemeriksa.

(iii) Kuasa Jawatankuasa Pemeriksa

- (A) Jawatankuasa Pemeriksa diberi kuasa oleh Senat untuk memperakukan kepada Fakulti perkara-perkara berikut:
  - (aa) Status prestasi pelajar, sama ada;
    - (AA) lulus dan dibenar meneruskan pengajian;
    - (BB) lulus dan layak dianugerahkan ijazah;
    - (CC) gagal dan ditamatkan pengajian;
    - (DD) gagal dan dibenarkan mengulang tahun pengajian;



- (EE) dibenarkan menduduki peperiksaan khas atas alasan-alasan tertentu yang difikirkan munasabah oleh Jawatankuasa Pemeriksa.
- (bb) Penangguhan keputusan peperiksaan; atau
- (cc) Pertimbangan perakuan Jawatankuasa Rayuan Fakulti mengenai pindaan markah dan gred.
- (dd) Penganugerahan senarai Dekan
- (B) Jawatankuasa Pemeriksa boleh melaporkan kepada Senat melalui Fakulti mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan suatu peperiksaan.
- (iv) Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Pemeriksa adalah terdiri daripada Pengerusi dan empat orang daripada keahlian Jawatankuasa Pemeriksa.
- (b) **Pemeriksa Dalam**
- (i) Fakulti boleh melantik guru sepenuh masa atau sambilan Universiti menjadi pemeriksa dalam, untuk sebarang kursus atau peperiksaan atau sebahagian daripada kursus atau peperiksaan atau untuk memeriksa laporan penyelidikan/laporan kerja lapangan/laporan praktikum/kertas projek dan lain-lain laporan akademik seperti yang ditetapkan oleh Senat.
- (ii) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan Fakulti boleh melantik pemeriksa dalam dengan syarat bahawa pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Fakulti secepat mungkin.
- (c) **Pemeriksa Luar Program**
- (i) Pemeriksa luar program hendaklah dilantik oleh Fakulti. Pemeriksa luar program biasanya hendaklah dilantik dari kalangan akademi luar Universiti yang berkelayakan, berpengetahuan dan mempunyai kepakaran dalam program pengajian berkenaan. Dalam keadaan tertentu pakar dalam program pengajian Ijazah yang tidak terdiri dari kalangan akademi boleh dilantik sebagai pemeriksa luar program untuk sesuatu program pengajian Ijazah. .
- (ii) Profesor Emeritus atau Profesor Adjung Universiti tidak boleh dilantik sebagai pemeriksa luar program.
- (iii) Seorang bekas guru sepenuh masa Universiti boleh dilantik sebagai pemeriksa luar program dengan syarat beliau:
- (A) Mempunyai kelayakan, pengalaman dan kepakaran yang relevan dalam program pengajian Ijazah;



- (B) Telah meninggalkan perkhidmatan Universiti untuk tempoh tidak kurang lima tahun dari tarikh pelantikan beliau sebagai pemeriksa luar; dan
- (C) Sedang mengajar di institusi pendidikan tinggi lain yang setaraf dan/atau mengamalkan pengkhususan dalam program pengajian Ijazah.
- (iv) Sekiranya berlaku kecemasan, Dekan Fakulti boleh melantik pemeriksa luar program dengan syarat bahawa pelantikan demikian hendaklah dilaporkan kepada Fakulti secepat mungkin.
- (v) Tertakluk kepada peruntukan Peraturan ini, sekurang-kurangnya seorang pemeriksa luar program hendaklah dilantik untuk setiap tahun pengajian. Tempoh pelantikan seseorang pemeriksa luar program adalah untuk satu Sesi Akademik dan boleh dilantik semula.

#### **(9) Peperiksaan Khas**

- (a) Fakulti boleh, dalam keadaan tertentu mengadakan peperiksaan khas bagi seseorang pelajar dalam suatu tempoh yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (b) Pelajar yang cacat jasmani yang tidak berupaya mengambil peperiksaan yang ditetapkan, Fakulti boleh memberi kebenaran menggantikannya dengan satu penilaian dalam apa-apa bentuk lain yang bersesuaian.
- (c) Sekiranya berlaku kecemasan, Naib Canselor, setelah menimbangkan perakuan Dekan Fakulti, boleh memberi kebenaran bahawa satu penilaian dalam apa-apa bentuk lain yang bersesuaian diadakan sebagai ganti dengan syarat bahawa penggantian demikian hendaklah dilaporkan kepada Senat secepat mungkin.

#### **(10) Tidak Hadir Peperiksaan**

- (a) Peraturan Am

Tertakluk kepada peruntukan yang ditetapkan di dalam Peraturan-Peraturan ini, mana-mana pelajar yang tidak hadir pada mana-mana kertas peperiksaan akhir hendaklah dianggap telah gagal komponen peperiksaan akhir bagi tahun pengajian berkenaan.

- (b) Tidak Hadir Peperiksaan Atas Sebab Perubatan/Perikemanusiaan (Simpati):
  - (i) Di mana pelajar telah tidak mengambil sebahagian atau keseluruhan peperiksaan akhir atas sebab perubatan (sakit) atau sebab alasan perikemanusiaan (simpati) iaitu ditimpa musibah atau kematian ibubapa serta waris terdekat seperti penjaga, anak, suami/isteri, adik beradik, datuk atau nenek hendaklah mengemukakan permohonan bertulis kepada Dekan Fakulti untuk kesnya dipertimbangkan oleh



Jawatankuasa Pemeriksa yang berkaitan. Dalam keadaan ini, kesnya hendaklah diselenggarakan mengikut perenggan (ii) di bawah. Seandainya tidak ada permohonan bertulis diterima, kesnya hendaklah diselenggarakan mengikut perenggan (a) di atas.

- (ii) Satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam perenggan (i) di atas mestilah disampaikan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada empat puluh lapan jam setelah tamatnya kertas terakhir peperiksaan akhir yang berkenaan. Permohonan bertulis itu mestilah disertakan dengan:
  - (A) sijil sakit dan laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti atau hospital kerajaan atau Pusat Perubatan Universiti Malaya atau Pusat Perubatan Swasta sekiranya sebab alasan perubatan. Sijil cuti sakit tanpa laporan perubatan tentang jenis penyakit pelajar tidak akan diberi pertimbangan; atau
  - (B) satu laporan daripada pegawai daerah atau pegawai polis yang menjadi ketua daerahnya jika telah tidak memasuki sebahagian atau seluruh peperiksaannya disebabkan oleh alasan perikemanusiaan (simpati) seperti yang tersebut di atas.
- (iii) Setelah menerima satu permohonan bertulis seperti yang tersebut dalam perenggan (i) dan (ii) di atas, Dekan Fakulti hendaklah melaporkan perkara itu kepada Jawatankuasa Pemeriksa berkenaan yang hendaklah memutuskan sama ada:
  - (A) pelajar itu dianggap telah gagal kertas yang ia tidak ambil atau keseluruhan peperiksaan akhir yang berkenaan; atau
  - (B) pelajar itu dibenarkan menduduki kertas itu atau keseluruhan peperiksaan akhir dalam tempoh peperiksaan khas yang ditetapkan oleh Fakulti.
- (iv) Jawatankuasa Pemeriksa tidak boleh sekali-kali mengambil kira sebarang rayuan atau permintaan bertulis yang dikemukakan oleh pelajar yang telah tidak ambil sebahagian atau keseluruhan peperiksaan akhir disebabkan atas sebab perubatan (sakit) dan/atau atas alasan perikemanusiaan (simpati) seperti yang tersebut dalam perenggan (b) di atas sesudah Jawatankuasa Pemeriksa mengadakan mesyuarat untuk menimbang dan menetapkan keputusan peperiksaan pelajar. Sebarang rayuan atau permintaan bertulis seperti itu hanya boleh diambil kira untuk tujuan mengkaji semula ketetapan Jawatankuasa Pemeriksa menggagalkan peperiksaan akhir pelajar atau menamatkan program pengajian Ijazahnya.



- (c) Tidak Hadir Keseluruhan Peperiksaan Akhir Atas Sebab Perubatan (Sakit)

Walau apapun peruntukan peraturan yang tersebut di atas, pelajar yang tidak dapat hadir untuk keseluruhan peperiksaan akhir bagi Peperiksaan Profesional Tahun Kelima (Akhir) untuk menyempurnakan program pengajiannya atas sebab perubatan boleh, dalam keadaan tertentu, dipertimbangkan untuk pemberian satu Anugerah Aegrotat menurut peruntukan Peraturan XIII, Bahagian 2 (Disemak), 1986.

- (d) Sakit Semasa Peperiksaan

Pelajar yang jatuh sakit semasa mengambil peperiksaan hendaklah melaporkan kepada ketua pengawas peperiksaan atau mana-mana pengawas yang harus menguruskan supaya pelajar itu diperiksa dengan serta merta oleh Doktor Perkhidmatan Klinik Kesihatan Pelajar Universiti. Laporan Doktor berkenaan hendaklah diserahkan kepada Dekan Fakulti tidak lewat daripada tujuh hari, dari tarikh pemeriksaan oleh Doktor tersebut.

#### **(11) Hal-hal Lain Berkaitan Peperiksaan**

- (a) Pengawas Peperiksaan

Pengawas peperiksaan hendaklah dilantik bagi setiap peperiksaan dan adalah bertanggungjawab kepada Naib Canselor.

- (b) Arahan Am Peperiksaan

Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di dalam Kaedah-Kaedah Universiti Malaya (Ijazah Sarjana Muda Pembedahan Pergigian) 2011, setiap peperiksaan yang dijalankan bagi program pengajian Ijazah adalah tertakluk kepada arahan am peperiksaan seperti yang dinyatakan di Jadual B kepada Peraturan-Peraturan ini.

- (c) Keputusan Peperiksaan

Keputusan bagi semua peperiksaan Universiti hendaklah dilaporkan untuk kelulusan Senat atau mana-mana pihak yang diturunkan kuasa oleh Senat.

- (d) Kerahsiaan Pengurusan Peperiksaan

(i) Semua urusan yang berkaitan dengan peperiksaan adalah **RAHSIA** dan tidak boleh diumumkan atau didedahkan kepada mana-mana pelajar atau pihak lain yang tidak berkenaan kecuali dengan kebenaran.

(ii) Semua pihak yang terlibat dalam urusan peperiksaan adalah diwajibkan menandatangani surat Pengakuan Kerahsiaan Peperiksaan pada setiap Sesi Akademik.



## **6. RAYUAN**

### **(1) Rayuan Terhadap Keputusan Kursus**

#### **(a) Rayuan Terhadap Keputusan Kursus Tidak Rasmi**

Pelajar hendaklah dimaklumkan keputusan komponen penilaian berterusan bagi setiap kursus. Pemakluman hendaklah dibuat secepat yang mungkin selepas selesai penilaian komponen berkenaan tetapi tidak lewat dua minggu sebelum peperiksaan akhir bagi setiap Peperiksaan Profesional berkenaan bermula. Walau bagaimana pun, pemakluman keputusan bagi Kursus Universiti hendaklah dibuat selewat-lewatnya pada minggu kuliah ke empat belas Semester I atau Semester II di mana kursus berkenaan diambil. Pemakluman keputusan bagi kursus-kursus progresif pula adalah berdasarkan kemajuan komponen berkenaan bagi kursus tersebut.

Rayuan boleh dikemukakan terus kepada Ketua Jabatan atau penyelarasan kursus berkenaan bagi penilaian yang melibatkan hasil kerja bertulis seperti tugas, esei, laporan, projek dan ujian bertulis tidak lewat dua minggu sebelum peperiksaan akhir bagi setiap Peperiksaan Profesional berkenaan bermula.

#### **(b) Rayuan Terhadap Keputusan Kursus Rasmi**

(i) Pelajar yang tidak berpuas hati dengan keputusan peperiksaan rasmi termasuk komponen penilaian berterusan dan peperiksaan akhir Peperiksaan Profesional berkenaan boleh membuat rayuan seperti di perenggan (ii) di bawah untuk keputusan tersebut disemak semula. Rayuan hendaklah dibuat dalam tempoh dua minggu dari tarikh pengumuman rasmi keputusan peperiksaan. Bagi maksud ini tarikh pengumuman rasmi adalah tarikh di mana keputusan peperiksaan dimaklumkan kepada pelajar oleh Seksyen Peperiksaan mengikut apa-apa kaedah dan/atau saluran yang ditetapkan oleh pihak Universiti.

(ii) Rayuan hendaklah dibuat dalam borang rayuan tertentu yang boleh didapati dari Seksyen Peperiksaan atau pejabat am Fakulti. Borang rayuan yang telah diisi hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti bersama dengan resit asal bayaran yang ditetapkan untuk rayuan itu.

(iii) Borang rayuan tidak akan diterima sekiranya:

(A) dikemukakan selepas tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (i) di atas;

(B) borang rayuan tidak diisi dengan lengkap; atau

(C) tidak dikemukakan bersama-sama dengan resit asal bayaran.



- (iv) Apabila sesuatu rayuan diterima, Dekan Fakulti hendaklah melantik pemeriksa kedua bagi kursus berkenaan. Pemeriksa asal dan pemeriksa kedua yang dilantik hendaklah menyemak semula skrip jawapan tersebut dan melaporkan hasil semakan semula kepada Jawatankuasa Rayuan Fakulti yang kemudiannya akan memutuskan sama ada markah dan/atau gred pelajar yang merayu tersebut dikekalkan atau dipinda. Pemeriksa asal dan pemeriksa kedua yang berkenaan boleh menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Fakulti sekiranya diperlukan.

## **(2) Rayuan Meneruskan Pengajian**

- (a) Seseorang pelajar yang ditamatkan daripada program pengajiannya menurut perenggan 5(7)(d) atau diluputkan status pengajiannya menurut perenggan 3(1)(b) Peraturan-Peraturan ini, boleh mengemukakan rayuan untuk meneruskan pengajiannya. Rayuan berkenaan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti yang akan mendapatkan perakuan Jawatankuasa Rayuan Fakulti. Perakuan Jawatankuasa Rayuan Fakulti akan dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan oleh Senat.
- (b) Bagi pelajar yang ditamatkan daripada program pengajiannya menurut perenggan 5(7)(d), rayuan hendaklah dikemukakan dengan kadar segera sebelum Sesi Akademik yang berikutnya bermula atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu semester daripada tempoh penamatan program pengajiannya.
- (c) Bagi pelajar yang diluputkan status pengajiannya menurut perenggan 3(1)(b), rayuan hendaklah dikemukakan dalam tempoh tidak melebihi dua minggu daripada tempoh program pengajian Ijazahnya diluputkan.

## **(3) Rayuan Pelanjutan Tempoh Pengajian**

- (a) Seseorang pelajar yang sedang berada di Tahun Kedua program pengajian Ijazahnya dan masih belum menyempurnakan keperluan Bahagian Pra-klinikal atau berada di Tahun Kelima program pengajian Ijazahnya dan masih belum menyempurnakan keperluan pengijazahan boleh mengemukakan rayuan untuk pelanjutan tempoh pengajiannya. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada Dekan Fakulti yang akan mendapatkan ulasan dan perakuan Jawatankuasa Rayuan Fakulti. Perakuan Jawatankuasa Rayuan Fakulti ini akan dikemukakan untuk kelulusan Jawatankuasa Rayuan yang ditubuhkan oleh Senat.
- (b) Rayuan hendaklah dikemukakan dengan kadar segera sebelum Sesi Akademik yang berikutnya bermula atau selewat-lewatnya dalam tempoh satu semester daripada tempoh maksimum program pengajian Ijazahnya.



#### **(4) Keanggotaan Jawatankuasa Rayuan**

Bagi maksud Jawatankuasa Rayuan Fakulti yang dinyatakan di perenggan 5(3)(b) dan 5(8)(iii)(A)(cc), subperaturan 6(2) dan 6(3) di atas, keanggotaannya adalah terdiri daripada:

- (a) Dekan Fakulti sebagai Pengerusi;
- (b) Timbalan Dekan yang bertanggungjawab bagi ijazah pertama;
- (c) Ketua jabatan berkenaan;
- (d) Penyelaras yang bertanggungjawab untuk mana-mana kursus atau rancangan pengajian Fakulti, jika berkenaan; dan
- (e) Kakitangan akademik yang dilantik oleh Fakulti.

Anggota yang dilantik di bawah perenggan 6(4)(e) di atas hendaklah dilantik bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun dan layak dilantik semula.

Jika Dekan Fakulti bercuti atau kerana atas apa-apa sebab lain dia tidak dapat menjalankan kewajipannya sebagai pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti, Timbalan Dekan yang bertanggungjawab untuk urusan ijazah pertama boleh menjalankan kewajipan Dekan Fakulti sebagai pengerusi Jawatankuasa Rayuan Fakulti.

Korum untuk mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Fakulti adalah terdiri daripada Pengerusi dan dua orang ahli lain.

## **7. PENGIJAZAHAN**

### **Penganugerahan Ijazah**

Seseorang pelajar hendaklah menyempurnakan keperluan-keperluan berikut untuk penganugerahan Ijazah:

- (1) Memenuhi keperluan Kursus Universiti dan lulus peperiksaan yang ditetapkan;
- (2) Memenuhi keperluan Kursus Teras dan Kursus Elektif dan lulus Peperiksaan Profesional yang ditetapkan;
- (3) Berjaya menamatkan pengajian Ijazahnya dalam tempoh yang ditetapkan seperti mana yang diperuntukkan di perenggan 4(2)(c) dan 4(2)(d); dan
- (4) Memenuhi keperluan lain yang ditetapkan dalam Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan bagi program pengajian Ijazah.

## **8. AM**



**(1) Mengaudit Kursus**

- (a) Pelajar program pengajian Ijazah boleh mendaftar untuk mengaudit mana-mana kursus di Universiti setelah mendapat kelulusan pensyarah dan dekan fakulti di mana kursus berkenaan ditawarkan atau bagi kursus yang tidak ditawarkan oleh fakulti, kelulusan pensyarah dan ketua jabatan di mana kursus berkenaan ditawarkan.
- (b) Dekan fakulti atau ketua jabatan di mana kursus audit ditawarkan hendaklah mengesahkan pelajar telah memenuhi syarat minimum 80% kehadiran untuk melayakkan pelajar diberi Gred R bagi kursus yang diaudit dan dicatat dalam transkrip.
- (c) Pelajar audit tidak dibenarkan menduduki peperiksaan bagi kursus yang diaudit tersebut.

**(2) Pengecualian Pemakaian**

Walau apapun yang dinyatakan di bawah Peraturan-Peraturan ini, Senat berhak mengecualikan pemakaian Peraturan-Peraturan ini atau mana-mana peruntukan Peraturan-Peraturan ini ke atas mana-mana pelajar program pengajian Ijazah.

**(3) Pembatalan Peraturan-Peraturan Peperiksaan**

Tertakluk kepada peruntukan peraturan 1(2) Peraturan-Peraturan ini, Peraturan XXXI, Bahagian I (Dipinda) 2001 dan Peraturan Peperiksaan, Peraturan XIII, Bahagian 7A (Dipinda) 2001 adalah dengan ini dibatalkan.

Dibuat pada \_\_\_\_\_ oleh Senat Universiti Malaya.